

## Pengampunan putuskan lingkaran kebencian

**TAKHTA SUCI:** Kehidupan Sta Josephine Bakhita dari Sudan, yang pernah menjadi hamba kemudian menjadi biarawati, menunjukkan bagaimana cinta membebaskan orang dari penindasan dan dia memperlihatkan bahawa dengan memaafkan penindas, ia akan memutuskan lingkaran kebencian dan kekerasan, kata Sri Paus Fransiskus.

“Seringkali orang yang terluka terus terluka; orang yang tertindas dengan mudah menjadi penindas,” kata Sri Paus Fransiskus pada Oktober 11 dalam audiensi umum minggunya di Dataran Santo Petrus.

Sebaliknya, Sta Bakhita mengajar kita bahawa “pengampunan tidak menghilangkan apa pun kecuali menambah martabat seseorang; hal itu membuat kita mengalihkan pandangan kita dari diri kita sendiri ke arah orang lain, melihat mereka sama rapuhnya dengan kita, dan tetap menjadi saudara dan saudari seiman dalam Tuhan.”

Melanjutkan serangkaian ceramah menyoroti para kudus yang menunjukkan semangat atau ghairah berevangelisasi, Sri Paus Fransiskus mengatakan kisah hidup Sta Bakhita menunjukkan bagaimana “pengampunan adalah sumber semangat yang menjadi belas kasihan dan memanggil kita menuju kekudusan yang rendah hati dan



Gambar kenangan Sri Paus Fransiskus ke Kenya, Afrika pada tahun 2015. Gambar: Media Vatikan.

penuh sukacita.”

Sangti Papa juga menggunakan kesempatan ini untuk berdoa bagi perdamaian di Sudan, di mana perebutan kekuasaan memicu kekerasan pada bulan April lalu dan pertempuran terus berlanjut meskipun sangat sedikit berita yang melaporkan hal ini.

saya.”

Kemudian dia diberi sebuah salib – benda pertama yang dia miliki – dan, kata Sri Paus, “dengan melihat salib itu, dia mengalami pembebasan batin yang mendalam, kerana dia berasa difahami serta dicintai dan kerana itu, dia mampu memahami dan mencintai orang lain, termasuk yang menganiayanya.

Sukacita bermula dari diri sendiri. Sta Bakhita juga bermula dengan memahami, berasa dicintai kemudian mampu memahami dan mencintai orang lain.”

Memiliki sikap belas kasih, katanya, “berterti menderita bersama para korban dari pelbagai bentuk ketidakmanusiawian yang ada di dunia serta mengasihani mereka yang melakukan kesalahan dan ketidakadilan – bukan membenarkan mereka, sebaliknya memanusaiakan mereka.”

“Apabila berlaku konflik, biasanya masyarakat akan berpecah belah, terjadi perasaan prejudis, tidak percaya dan syak wasangka di antara kita. Ini menyebabkan kita kehilangan kemanusiaan,” kata Sri Paus.

Namun, Sta Bakhita mengajar kita akan penyelesaiannya iaitu “dengan memanusaiakan — memanusaiakan diri sendiri, dan memanusaiakan orang lain,” dengan memaafkan mereka dan memberi mereka kesempatan lagi.

“Pengampunan membebaskan Sta Bakhita dari lingkaran dendam dan kebencian. Pengampunan pertama-tama diterima melalui kasih sayang Tuhan, dan kemudian pengampunan itu menjadikan Sta Bakhita wanita yang bebas, gembira dan mampu mengasihani.” — *media Vatikan*

## Sidang Sinode berdoa keamanan untuk Timur Tengah



VATIKAN: Sidang Agung Biasa ke-16 Sinode mendedikasikan doa pagi Khamis, Oktober 12 untuk memohon keamanan bagi dunia khususnya di tempat-tempat yang sedang mengalami konflik.

Doa pembukaan hari itu telah diperkenalkan oleh Kardinal Iraq, Louis Raphaël Sako, Patriark Gereja Katolik Chaldean, yang mendoakan semua mereka yang menderita akibat peperangan di seluruh dunia, dan hidup dalam ketakutan.

“Saya ingin menjemput anda pagi ini untuk berdoa untuk keamanan di dunia, terutamanya di Tanah Suci, juga di Ukraine, keganasan di Iraq, Iran, dan Lubnan,” kata Kardinal Sako.

“Rakyat sedang menunggu, dengan harapan tinggi, untuk hidup dalam maruah dan dalam persaudaraan, dan merindukan kehidupan tanpa ketakutan dan kebimbangan

setiap hari.”

Kardinal menyeru doa, persaudaraan, dan solidariti dengan semua orang yang menderita.

Para peserta sinode beberapa doa, termasuk Mazmur 129, “Dari kejauhan, aku berseru kepada-Mu, ya Tuhan; Tuhan dengarlah suaraku.”

Semasa doa pagi, Kardinal Sako juga berdoa: “Ya Tuhan, yang mengambil berat kepada semua, biarlah seluruh umat manusia yang berasal daripada-Mu, membentuk satu keluarga, tanpa kekerasan, tanpa peperangan yang tidak masuk akal dan dengan semangat persaudaraan, hidup bersatu dalam damai, dan kerukunan bagi Tuhan kami Yesus Kristus Putera-Mu yang adalah Tuhan, hidup dan memerintah bersama-sama dengan Engkau...” — *media Vatikan*

# Bumi tidak dapat menampung kita lagi

Dalam sebuah buku, *The Book of Hope*, yang dikarang bersama oleh Jane Goodall dan Douglas Abrams, mereka telah membuat kenyataan ini: Mencipta umat manusia mungkin merupakan satu-satunya kesilapan evolusi terbesar yang pernah dibuat.

Mereka berkata demikian kerana dia menyedari bahawa kemunculan umat manusia jelas dicituskan oleh proses evolusi dan ini bukannya kesilapan besar sebaliknya ia adalah puncak proses itu.

Namun begitu, hari ini, umat manusia adalah ancaman besar kepada planet bumi.

Ringkasnya, kini terdapat lebih tujuh bilion orang di planet ini dan dikebanyakan tempat, sumber alam semulajadi semakin terhad dan habis lebih pantas sebelum dapat diganti.

Menjelang tahun 2050 mungkin terdapat sepuluh bilion manusia di planet ini. Jika kita meneruskan kehidupan seperti biasa, planet ini tidak dapat mengekalkan kita, apatah lagi jika kita terus meneruskan tidak mengubah gaya hidup kita sekarang.

Dan gaya hidup yang dimaksudkan di sini bukanlah tentang gaya hidup mewah orang kaya yang melulu dan menggunakan lebih daripada bahagian sumber yang sepatutnya.

Mereka, sudah tentu, menyumbang kepada masalah dan terlalu mempengaruhi yang lain dalam tabiat penggunaan kita sendiri; tetapi, gaya hidup yang dirujuk

di sini ialah apa yang anda dan saya, pengguna yang teliti, hidup memulihara, mengitar semula, melakukan kompos, memandu kereta elektrik dan cuba hidup sederhana.

Saya boleh mengambil diri saya sebagai contoh. Saya cuba peka terhadap akibat daripada apa yang saya dilakukan dalam penggunaan saya sendiri kepada ibu bumi.

Jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai gaya hidup mewah, saya boleh mengatakan saya hidup dengan cukup sederhana.

Saya tidak membeli apa yang saya tidak perlukan, mempunyai almari pakaian yang sangat kecil, dan berhati-hati dengan pengambilan jumlah elektrik dan air. Saya memandu kereta kompak terpakai dan cuba memandu hanya apabila perlu.

Saya selalu menetapkan hawa termostat di rumah bagi memastikan penggunaan tenaga elektrik yang minimum, dan saya tinggal di rumah yang agak kecil, mengitar semula dan cuba menggunakan plastik sesedikit mungkin.

Tetapi, pada waktu yang sama, saya mempunyai dua buah komputer, komputer meja di pejabat saya dan komputer riba di rumah.

Saya mempunyai telefon bimbit yang setelah bertahun-tahun, ia tidak lagi sesuai dengan teknologi kini dan menukarnya kepada model baharu dan membuang model lama.

Saya mandi setiap hari dan, bergantung pada kerja fizikal dan



senaman, kadang-kadang mandi dua kali. Saya memandu kereta.

Saya menaiki kapal terbang sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk persidangan dan mesyuarat dan saya membuat penerbangan antarabangsa beberapa kali setahun untuk melawat keluarga. Saya tidak mempunyai banyak pakaian, tetapi pelayanan dan kerja saya memerlukan standard pakaian tertentu (yang saya temui secara minima).

Saya fikir saya boleh mengatakan bahawa gaya hidup saya adalah sederhana, ringkas mengikut tempat tinggal saya dan kerja yang saya lakukan.

Walau bagaimanapun, secara realistik, jika kesemua tujuh (lebih) bilion orang di dunia hidup seperti saya, tidak akan ada sumber yang mencukupi untuk mengekalkan kita.

Intinya, dunia tidak dapat

menyokong lapan bilion orang jika semua orang hidup seperti saya, dan seperti kebanyakan kita yang tinggal di dunia lebih mewah, gaya hidup kita juga mewah. Apakah jawapannya?

Kita boleh meletakkan rasa bersalah pada diri sendiri dan orang lain, walaupun ini tidak semestinya membantu.

Apa yang boleh membantu? Tiada jawapan yang mudah. Kita yang tinggal di bahagian yang lebih mewah, boleh membuat perubahan, tetapi bolehkah kita berhenti menggunakan komputer dan telefon mudah alih? Kita boleh menjimatkan air, tetapi bolehkah kita meninggalkan piawai kebersihan kita sekarang?

Kita boleh menjimatkan elektrik, tetapi bolehkah kita berhenti memandu kereta kita dan memadamkan lampu di semua bangunan bandar kita pada waktu malam?

Kita boleh lebih teliti tentang berapa banyak perjalanan kita dengan kapal terbang, tetapi bolehkah kita hidup tanpa perjalanan kapal terbang?

Kita boleh mengurangkan apa yang kita beli agar tidak membazir makanan, tidak berlebihan dari segi pakaian dan tidak berbelanja besar dalam hiburan. Kita boleh mengitar semula, membuat kompos dan tidak menggunakan beg plastik — dan semua ini, secara kumulatif, akan membuat perbezaan.

Sesungguhnya, semua ini perlu dilakukan. Walau bagaimanapun,

walaupun kita melakukan semua ini, ia masih tidak memadai dalam menyelesaikan masalah.

Bagi Jane Goodall, di luar perkara-perkara yang dapat kita lakukan sebagai individu, kita perlu melakukan beberapa perkara kolektif untuk menyelesaikan ancaman ke atas planet ini.

Goodall memberikan tiga petua berikut: Pertama, kita mesti mengurangkan kemiskinan. Jika ada rakyat yang hidup dalam kemiskinan yang meruncing, boleh difahami mereka akan menentang pokok terakhir untuk mendapatkan makanan atau menangkap ikan terakhir kerana terdesak untuk menyara keluarga. Kedua, kita mesti menghapuskan rasuah kerajaan dan ketamakan korporat.

Tanpa kerajaan yang baik dan prihatin terhadap kebaikan bersama dalam perniagaan, adalah mustahil untuk menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar yang besar. Lebih-lebih lagi, mereka yang kepentingan sendiri, enggan menghadapi masalah itu. Maka ia akan berterusan tanpa dicabar.

Akhirnya, secara kolektif juga, kita mesti secara realistik menghadapi ketegangan antara gaya hidup kita dan populasi yang semakin meningkat di planet ini. Pengguna yang tidak bertimbang rasa adalah sebahagian daripada masalah — tetapi begitu juga dengan kita, termasuk saya, yang menganggap diri kita menjalani hidup sederhana. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

## Perintah Tuhan sarana tepat meraih kebahagiaan

Negara kita Malaysia memang diakui oleh negara luar sebagai negara yang aman damai, makmur dan berteraskan demokrasi. Namun ketika ini juga agama dan politik seakan-akan bercampur aduk di negara kita dengan mudah menyemarakkan sentimen agama dan pelampau agama.

Agama dijadikan alat politik untuk merebut kuasa dan simpati daripada rakyat yang mengundi calon-calon parti tertentu. Kita sendiri sudah dan mengalami akibatnya di mana kes-kes pembakaran gereja, pencerobohan masjid dan kuil terjadi silih berganti.

Mungkin inilah sebabnya mengapa terjadi demonstrasi jalanan dari semasa ke semasa kerana politik dicampur adukkan dengan agama. Ini semua berlaku di dalam negara kita, belum termasuk apa yang terjadi di luar sana — sungguh menakutkan!

Memang menyedihkan kerana seharusnya semua agama membawa keselamatan bagi seluruh umat manusia, bukan membawa bencana dan perpecahan yang membinasakan antara satu dengan yang lain. Bagi kita umat Kristian, pada hari ini kita mendapat dua pesan yang penting dalam hal ini:

1. Agama dan politik jangan dicampuradukkan. Maskudnya,

jangan menggunakan agama untuk kepentingan politik individu atau parti tertentu. Kita sebagai penganut agama Katolik yang juga adalah golongan minoriti di negara ini hendaknya memberi contoh yang baik dengan menjauhkan diri dari sikap pelampau agama yang merugikan itu.

2. Walaupun kita tidak boleh berpolitik dengan memeralatkan agama, tetapi kita tidak dilarang untuk berpolitik bersemangat agama, agama harus menjadi sumber dan pedoman bagi kita untuk berpolitik. Kita berpolitik berasaskan moral sebab kita tidak dapat berpolitik dengan baik tanpa moral agama. Dengan kata lain, agama meningkatkan mutu politik kita ke arah kebaikan bersama.

Menurut sejarah, tembok besar negara China dibina dengan harga yang tidak ternilai. Apabila selesai ia dianggap sebagai penyelamat ancaman musuh. Namun belum pun beberapa tahun, tembok tersebut sudah dibolosi oleh musuh sebanyak tiga kali bukan dengan merobohkan tembok tersebut tetapi dengan cara memberi sogokan kepada para penjaga pintu gerbang tembok tersebut.

Elemen-elemen kemanusiaan gagal dan sifat-sifat yang tidak

amanah itulah yang membuat sistem yang terbaik ciptaan manusia itu sendiri akan hancur lebur. Demikian juga semua orang yang bergiat dalam politik akan menerima akibat yang sama jika mereka lupa terhadap asas kerohanian yang kukuh di dalam diri mereka masing-masing.

Kembali kita kepada perihal memisahkan agama dengan politik, walaupun kita tidak digalakkan untuk mencampuradukkannya namun di dalam hidup seharian bebas mengevaluasi dan mengkritik kerajaan dalam hal sosial, ekonomi dan politik yang kita rasa perlu diperbaiki dan ditingkatkan lagi melalui saluran-saluran yang sedia ada. Apabila tiba masa untuk pemilihan umum pula, kita perlu bersuara melalui proses pengundian yang telus, adil dan saksama.

Dalam bidang politik dan ekonomi, Tuhan telah menegaskan kedudukan-Nya. Dia mahu suatu masyarakat yang politik dan ekonominya berlandaskan kebenaran, keadilan, cinta kasih dan perdamaian. Tepatnya, politik dan ekonomi sebenarnya merupakan kepedulian Tuhan yang sangat penting.

Mengapa? Sebab jika politik itu merupakan sains dan seni memerintah rakyat jelata maka, oleh kerana manusia itu adalah milik

### HARI MINGGU BIASA KE-29 TAHUN A

YESAYA 45:1.4-6;  
1TESALONIKA 1:1-5B;  
INJIL MATIUS 22:15-21

Tuhan, Dia mengambil berat tentang bagaimana rakyat itu diperintah oleh kerajaan yang sedang memerintah. Demikian juga jika ekonomi itu merupakan suatu sains dan seni mengagih-agihkan harta duniawi secara adil dan saksama, maka oleh kerana dunia ini milik Tuhan, Dia mengambil berat agar semua harta duniawi ini dibagi sama rata kepada semua rakyat jelata.

Kesemua idea ini sebenarnya sudah lama dilaung-laungkan oleh Gereja melalui ajaran-ajaran-Nya di dalam pelbagai dokumen Gereja sejak dahulu sampai sekarang.

Oleh kerana politik dan ekonomi merupakan kepedulian Tuhan kita, maka kita sebagai pengikut-Nya harus mengagihkannya sebagai tanggungjawab kita. Kita harus mempedulikan sesama kita yang kurang bernasib baik dalam pelbagai hal — jasmani dan rohani, minda dan emosi. Maka kita harus terlibat juga dalam poli-

tik dan ekonomi demi sesama kita yang memerlukan berlandaskan cinta kasih Tuhan.

Andai kata Gereja gagal melaksanakan ini semua, maka Gereja menggagalkan usaha Tuhan yang datang ke dunia ini untuk mendirikan kerajaan kebenaran, keadilan, cinta kasih dan perdamaian di dunia. Namun kita pasti bahawa ini semua tidak akan berlaku sebab kekuatan-Nya yang boleh merubah segala sesuatu itu masih tetap berserta kita serta mempercayakan kita untuk pembawa: "Kasih karunia dan damai sejahtera-Nya" (1Tes 1:1) demi pemulihan dunia ini.

Pesanan kepada kaum belia yang sudah mencapai umur 21 tahun, jadilah warga negara yang komited dan efektif dengan mendaftarkan diri sebagai pengundi di pusat-pusat pendaftaran atau layari [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) dan datanglah mengundi apabila tiba masa pilihan raya umum yang akan datang. — *santapan rohani*

# Lektor, pemazmur sebagai duta Tuhan

BEAUFORT, Sabah: Lektor adalah pewarta Sabda Tuhan. Oleh itu, sebagai “jurubicara Tuhan” atau “duta Tuhan” seorang lektor bukan sekadar pembaca atau petugas baca. tetapi hendaknya seorang lektor mampu menyampaikan Sabda Tuhan dengan baik serta dengan penuh penjiwaan.

Seramai 165 peserta telah menyertai rekoleksi lektor dan pemazmur yang dianjurkan oleh Komiti Alkitab St Valentine pada September 23 lalu di Gereja St. Valentine.

Sesi-sesi dalam rekoleksi sehari itu disampaikan oleh para lektor yang berpengalaman, katekis dan Fr Wilfred James, pembantu paderi paroki St Valentine.

Antara sesi yang diberikan ialah “Panggilan Menjadi Lektor” oleh Puan Petronela Nandu, “Alkitab dan Ekaristi” oleh Fr Wilfred James, “Teknikewartakan Firman Tuhan” oleh Puan Anita Kumpat manakala Puan Hilda George menyampaikan ceramah bertajuk “Pedomanewartakan Firman Tuhan” dan Katekis Alexsius Singgit membicarakan tentang “Tahun Liturgi dan Firman Tuhan.”

Salah satu sesi yang dikendalikan oleh Puan Hilda, beliau mengatakan “Men-



Para lektor lama dan baharu paroki St Valentine Beaufort, diutus dalam Misa Senja.

jadi lektor tidak sekadar membaca, tetapi membawa firman itu hadir di tengah-tengah umat”.

Hilda juga berpesan tentang beberapa perkara yang harus dielakkan sebelum bertugas seperti menyampaikan firman Tuhan tanpa persiapan atau berasa terpaksa.

Selepas semua sesi ceramah disampaikan, sesi soal jawab dibuka bagi para peserta mengemukakan persoalan dan keraguan. Semua soalan dijawab oleh Fr Wilfred.

Kemudian diadakan juga sesi pratikal untuk para lektor baharu, teknik membaca serta

tata terbit sebelum dan selepas bacaan.

Pengutusan para pewarta dijalankan pada Misa Senja September 23 yang dipimpin oleh Fr Wilfred.

Dalam homilinya, Fr Wilfred menyeru para pewarta agar mengenal Kitab Suci dan bagaimana Kitab Suci itu wujud.

Kepada para pewarta dan pemazmur, Fr Wilfred mengatakan bahawa mereka seharusnya sudah mengenal dan membaca empat Kitab Injil Yesus.

Seorang lagi pewarta baharu, Rudy Ombou menjadi pewarta ini bukan saja merasa dekat pada Tuhan malah dapat membawa umat lebih mengenali siapa Tuhan.

Margaret Trebucon, seorang lektor yang berpengalaman lebih dari 30 tahun berkata dia merasa bersyukur kerana masih boleh melayani di Gereja dan meskipun melalui beberapa perubahan umum Roman Misale tetapi ada satu yang tidak berubah iaitu persiapan peribadi, harus selalu berlatih serta sentiasa membuat evaluasi pelaksanaan tugas.

Josephine Vitus yang juga seorang lektor berpengalaman dan telah melayani di beberapa paroki, setelah ritus pengutusan, beliau berasa bangga kerana mendapat ‘lesen’ dari Tuhan untukewartakan firman-Nya. — **KOMSOS St Valentine**

## Hati kita dicipta untuk mengasihi

NILAI, N.Sembilan: Gereja St Theresa baru-baru ini meraikan triduum penaungnya dengan tema, “Panggilan saya ialah Mengasihi.”

Secara kebetulan, paroki ini juga mengadakan Perhimpunan Pastoral Paroki yang menambahkan lagi penghargaan lebih mendalam terhadap Sta Theresa, seorang kudus yang keinginan terbesarnya adalah untuk ‘mencintai, kerana hati kita dicipta hanya untuk itu’.

Pada hari pertama perayaan yang jatuh

pada Pesta para Malaikat, Misa telah dipimpin oleh Fr Moses Rayappan dari paroki St Francis Xavier, Melaka.

Meskipun perarakan di kawasan gereja dibatalkan kerana hujan namun beberapa kanak-kanak dari Sekolah Minggu tetap bersemangat memakai busana Karmelit kecil, dan berjalan dengan penuh hormat mendahului perarakan di dalam gereja.

Fr Peter Anthony dari Gereja Christ the Light, Kepong, memimpin Misa pada Oktober 1, mengongsikan tentang kelu-

arga Sta Theresa yang kudus.

Sta Theresa mempunyai seorang lagi saudara perempuan yang telah dibeatifikasi 2015, dan ibu bapanya, Louis dan Zeligie dikanonisasi pada tahun yang sama.

Pada hari Minggu, dalam homilinya, Fr Peter menyatakan tentang “Adam dan Hawa telah memakan buah dari pohon pengetahuan tentang baik dan jahat, tetapi Tuhan menjadikan pohon lain untuk kita di dunia ini iaitu kayu yang di atasnya tergantung Juruselamat dunia!”



## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Adakah pembaptisan bayi langgar hak anak pilih agama?

Ramai umat sering berbahas bahawa pembaptisan yang dilakukan ibu bapa terhadap anak mereka semasa bayi adalah tindakan yang tidak benar kerana anak itu seharusnya menentukan iman semasa dewasa, bukan ketika bayi.

Pendapat ini dipertegas juga dengan pemahaman bahawa jika ibu bapa membaptis bayi artinya mereka tidak menghargai bayi itu kerana bayi tidak tahu apa-apa. Adakah ini benar?

Sesungguhnya, pembaptisan bayi dalam Gereja Katolik sudah dilakukan sejak zaman para rasul.

Tradisi ini diteruskan sehingga kini sebagai bentuk perutusan mereka oleh Sang Guru, Yesus Kristus: “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus” (Mat. 28:19).

Selain itu, dalam Kisah Para Rasul tercatat pula kisah pembaptisan yang dilakukan oleh seseorang keluarga kerana mereka percaya akan Yesus (Bdk. Kis. 16:15; Kis. 16:33).

Atas keyakinan tersebut, dasar utama dari pembaptisan bayi yang dijalankan oleh Gereja Katolik adalah kepercayaan bahawa karya keselamatan itu diberikan kepada Tuhan bagi semua orang, termasuk bayi.

Gereja Katolik yakin bahawa pembaptisan bayi itu perlu diberikan kepada anak-anak kerana anak adalah anugerah Tuhan yang diberikan kepada ibu bapa dan memerlukan keselamatan dari Tuhan.

Ibu bapa layak menyerahkan anak kepada Tuhan sebagai bukti rasa syukur yang diterima mereka. Bahkan, mereka tidak boleh menunda pembaptisan anak mereka kerana pembaptisan adalah tanda anak itu diserahkan kepada Tuhan.

Dalam Tradisi Gereja, pemahaman ini ditegaskan oleh Santo Siprianus dengan mengatakan, “Belas kasih dan rahmat Tuhan seharusnya tidak ditolak bagi setiap orang yang dilahirkan”.

Selain itu, Tuhan Yesus sendiri dalam Injil secara jelas menegaskan bahawa anak-anak mempunyai hak untuk berjumpa dengan-Nya, “Biarkan anak-anak itu datang kepada-Ku, jangan menghalang-halangi mereka, sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Tuhan” (Markus 10: 14).

Berdasarkan hal tersebut, ibu bapa memiliki kewajiban untuk membaptis bayi mereka sebagai ungkapan kasih sayang mereka kepada bayi yang dianugerahkan kepada mereka.

Selanjutnya, ibu bapa membaptiskan bayi mereka adalah sebagai menunaikan tanggungjawab mereka untuk memberikan pendidikan yang baik kepada anak-anak mereka.

Lazimnya, setiap orang tidak boleh mengatakan dan mengandaikan bahawa anak boleh memilih sendiri imannya setelah dewasa kerana ketika masih bayi, mereka memerlukan ibu bapa dalam segala hal.

Bayi tidak mungkin dapat makan sendiri, berpakaian sendiri, minum ubat sendiri jika sakit,

atau melakukan aktiviti sendiri tanpa ibu bapa.

Dengan kata lain, ibu bapa tahu yang terbaik untuk bayinya, termasuk juga iman yang telah diyakini mereka.


Pemahaman ini telah disampaikan dan diyakini oleh ibu bapa semasa mereka menjawab kesediaan dalam menjalani hidup perkawinan oleh Imam sesaat sebelum mereka menyatakan janji perkawinan mereka, “Bersediakah kalian dengan penuh kasih sayang menerima anak-anak yang dianugerahkan Tuhan kepada kalian, dan mendidik mereka sesuai dengan hukum Kristus dan Gereja-Nya?”

Namun, di sebalik pernyataan mempelai tersebut, ada pemahaman bahawa ibu bapa melakukan hal tersebut kerana mereka memiliki iman dan keyakinan bahawa anak-anak mereka layak memahami kebenaran iman yang diyakini oleh ibu bapa.

Akhirnya, pembaptisan bayi dilakukan oleh ibu bapa dan tidak menunggu mereka dewasa kerana anak-anak perlu dikuduskan sejak awal sebagaimana dikatakan oleh St. Gregorius Nazianze dalam *Oration on the Holy Baptism*: “Apakah kamu mempunyai seorang bayi? Jangan biarkan dosa mengambil kesempatan, melainkan biarlah bayi itu dikuduskan sejak kanak-kanak. Sejak usianya masih bayi, biarlah dia dikonsekrasikan oleh Roh Kudus”. — **Fr Yohanes Benny Suwito, Institut Teologi Yohanes Maria Vianney dan Universiti Katolik Widya Mandala, Surabaya, hidupkatolik**

# Sahabat kecil Yesus

Isikan kotak di bawah untuk membaca perayaan apa yang kita sambut pada hari Minggu ini.



Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



Dapatkan adik-adik membezakan duit syiling Malaysia dengan syiling negara lain? Bulatkan syiling Malaysia.

Berikanlah kepada Kaisar apa yang wajib kamu berikan kepada Kaisar dan kepada Tuhan apa yang wajib kamu berikan kepada Tuhan. (Mat 22:21)



Adik-adik, pada hari Minggu ini, Oktober 22, kita menyambut Hari Minggu Misi ke-97.

Menurut Santo Sri Paus Yohanes Paulus II, Misi Sedunia adalah "hari yang penting dalam kehidupan Gereja kerana ia mengajar cara memberi: sebagai persembahan yang dibuat kepada Tuhan, dalam perayaan Ekaristi dan untuk semua misi dunia."

Tahukah adik-adik bahawa semakin hari, semakin banyak Gereja-gereja di seluruh dunia, khususnya di tanah-tanah misi memerlukan bantuan, kerana wilayah yang musnah akibat peperangan atau bencana alam, kekurangan paderi yang amat ketara dan kawasan lain yang telah lama ditindas.

Semoga adik-adik ber-

mudah hati dalam kolekte Hari Minggu Misi Sedunia. Ini adalah peluang untuk kita menyedari bahawa kita semua, berdasarkan pembaptisan kita, dipanggil ke dalam misi Gereja.

Sumbangan adik-adik, meskipun kecil, akan membolehkan lebih ramai orang mendengar Firman Tuhan.

Salam kasih Antie Melly

Mari Mewarna

# BELIA MILENIUM



## Berita Belia dari Luar Negara

### Kaum muda, belajar bersolidariti



Para peserta duduk bersila mendengar sesi ceramah.

MALANG, Indonesia: Diinspirasi dari sesi-sesi sempena Hari Belia Sedunia 2023, Komuniti Tritunggal Mahakudus (KTM) menganjurkan Hari Belia KTM 2023 yang diselenggarakan selama empat hari di Pertapaan Karmel, Desa Ngadireso, Kecamatan Tumpang, Malang, Jawa Timur baru ini.

KTM merupakan sebuah perkumpulan orang beriman sebagai sebuah Komuniti Awam di dalam Gereja Katolik. Mereka berusaha menghayati hidup Kristian yang sejati berdasarkan misteri agung cinta Tuhan Tritunggal, menjadikan Yesus sebagai pusat hidup serta terbuka akan bimbingan Roh Kudus.

KTM Youth Day adalah kegiatan setiap lima tahun untuk belia. Tema yang diangkat pada tahun ini ialah "Come Out."

Selama empat hari, para peserta mengikuti sesi ceramah dari Ratu Indonesia 2022, Audrey Vanessa Susilo, Anne Avantie seorang pereka fesyen, Caecilia Prayudi dan Thomas Boly dari kumpulan vokal, Second Chance.

Semasa acara penutup, Setiausaha Eksekutif Konferensi Belia para Uskup Indonesia untuk Komisi Belia, Fr Kristi Adi Prasetya, menekankan empat kata kunci iaitu: raih, tumbuh, solid, dan solidariti.

Katanya, "Saya selalu ingat apa yang ditulis Rasul Yohanes. Kita mengasihi Tuhan kerana Tuhan lebih dulu mengasihi kita. Maka Tuhan melihat satu demi satu dari kita semua yang datang ke sini dengan mata penuh kasih, tidak melihat kita satu demi satu seperti orang berdosa. Ingat, Tuhan memandang kalian dengan mata penuh kasih," ujarnya di hadapan 651 peserta yang berasal dari pelbagai daerah di Indonesia.

Paderi keuskupan itu juga menceritakan pengalamannya ketika menghadiri Hari Orang Muda Katolik Sedunia (WYD) 2023 di Lisbon, Portugal dan Hari Belia Indonesia ke tiga pada bulan Jun lalu yang sangat mengagumkan kerana kehadiran Roh Kudus begitu dirasai.

"Maka hari ini saatnya untuk bertumbuh. Come out! Dengan segala keunikan dan perbezaan kita, Tuhan memanggil kalian untuk semakin akrab dengan Dia, dengan sesama dan alam ciptaannya." — *hidupkatolik*

## Menjadi murid Yesus pada zaman now

GOPENG, Perak: Menjadi Katolik bermakna menyahut seruan untuk menjadi murid Yesus. Namun, panggilan untuk menjadi murid adalah berbeza bagi setiap orang.

Apakah ertinya murid Kristus dalam masyarakat hari ini? Inilah yang cuba dicari oleh sekumpulan belia pada hujung minggu, September 22-24 lalu.

Bertempat di Harvest Haven, sebuah tapak perkhemahan Kristian, para belia didampingi oleh Fr Alvin Ng, SJ, dari *The Lifeline Young Adults Ministry* of paroki St Francis Xavier, Petaling Jaya.

Aktiviti ini merupakan program tahunan dan pada tahun ini, mereka mengambil tema, "Murid Yesus Zaman Moden"

Kawasan perkhemahan yang jauh dari kesibukan kehidupan bandar, para belia dibimbing untuk refleksi peribadi, me-



meriksa hubungan dengan Tuhan dan menghayati bagaimana menjadi murid Yesus yang berjalan bersama, taat serta beriman teguh.

Pada sebelum malam, para peserta diberikan beberapa tema untuk renungan. Setiap hari, semasa Misa dirayakan,

beberapa peserta membantu dalam liturgi seperti lektor, pemazmur, koir dan pelayan altar.

Sebuah chapel turut disediakan bagi para peserta berdoa dan membuat refleksi.

Dalam salah satu sesinya, Fr Alvin membimbing para peserta untuk memeriksa hubungan mereka dengan Tuhan, terutamanya di tengah-tengah kebisingan dunia.

Pada malam terakhir perkhemahan, mereka menonton filem yang mengajak para belia berfikir tentang cinta, kehilangan, maruah, dan kewajipan mereka sebagai belia

Pada hari Minggu, hari terakhir perkhemahan, para peserta menghadiri Misa yang dipimpin oleh Fr Alvin.

Sebelum pulang ke tempat masing-masing, mereka mengenakan pakaian perkhemahan dan bergambar beramai-ramai.



## SUKAN PUPUK PERSEKUTUAN

TAWAU, Sabah: Komuniti Pastoral Filipina Gereja Holy Trinity Church Tawau menganjurkan pertandingan bola tampar dan bola keranjang sempena Pesta

Sto Nino dari Cebu dan sempena ulang tahun penubuhan komuniti tersebut yang ke-40.

Sebelum pertandingan, umat terle-

bih dahulu berdoa rosari.

Kebanyakan ahli kumpulan yang menyertai kejohanan ini terdiri dari kaum belia.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh koordinator majlis, Pn Mary Marclyne Renda, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Pengerusi Komiti Pastoral Filipina, Pn Ma. Belen E. Nokiah.

Para peserta diberitahu mengenai pertandingan yang lain yang dianjurkan sempena Pesta Sto Nino Pakaian/Kostum Filipina Terbaik, pertandingan tarian Sinulog dan pertandingan *Sto Nino Bearer*.

Dengan tema, "Sto Nino: Persekutuan Kami, Penyertaan Kami, Misi Kami", beliau menekankan sikap saling hormat menghormati antara sesama sepanjang pertandingan. — *dospo*



Antara pasukan yang mengambil bahagian.

# Sinode mendefinisikan cara baharu menggereja

TAKHTA SUCI: Sinode tentang sinodaliti ini tidak bertujuan “menyelesaikan masalah-masalah tertentu” dalam Gereja Katolik, seperti pemberkatan perkahwinan sesama jenis atau pentahbisan wanita, sebaliknya mencari cara bagi Gereja untuk membicarakan serta mengatasi masalah-masalah tersebut, kata seorang kardinal.

“Ada ramai orang yang percaya bahawa sinode ini akan membawa penyelesaian bagi semua masalah,” kata Kardinal Fridolin Ambongo dari Kinshasa, Congo, semasa sidang akhbar di Vatikan pada Oktober 7.

“Namun, sinode akan menentukan cara baharu menggereja, cara baharu dalam mendekati permasalahan, juga bagaimana dalam semangat sinodaliti kita akan mendekati



Sinodaliti bukan sebuah konsep, ini adalah pengalaman bersama.

permasalahan tersebut.”

Kardinal itu juga mengongsikan bahawa sebelum beliau meninggalkan tanah airnya untuk menghadiri sinode, ramai orang dari seluruh Afrika memintanya untuk memberikan solusi atas masalah yang mempengaruhi benua tersebut, iaitu kemiskinan dan konflik. Namun katanya,

“ekspektasi itu terlalu tinggi kerana perkara ini memerlukan proses serta tenaga yang banyak,” katanya.

Ditanya tentang pemberkatan perkahwinan sejenis di gereja, Kardinal Ambongo mengatakan, “Kami berada di sini untuk mengadakan sinode mengenai sinodaliti.”

Sinodaliti bukan tentang mengu-

tarakan pendapat peribadi, tetapi berjalan bersama, katanya.

“Mengenai pertanyaan LGBT, Tuhan sendiri yang akan menunjukkan kepada kita jalan melalui kearifan kolektif.”

Kardinal mengatakan dia yakin sinode ini akan “menghasilkan buah yang baik” bagi seluruh Gereja dan

dia sangat tersentuh dengan kegemilangan, iman, semangat dan harapan di kalangan para peserta sinode.

Para peserta majlis menyelesaikan perbincangan pada Oktober 6 tentang modul pertama agenda sinode yang didedikasikan untuk merefleksikan ciri-ciri Gereja sinode.

Sebanyak 35 kumpulan kerja yang terdiri dari 10-12 orang, masing-masing menyerahkan laporan yang merangkumi perbincangan kumpulan kecil ke sekretariat agung sinode pada Oktober 7.

Para peserta menyedari bahawa “tidak seorang pun di antara kita datang dengan agenda yang ingin mereka sampaikan, seperti yang kita lihat di sinode-sinode lain. Kita semua ada di sana sebagai saudara-saudara, mendengarkan kehendak Tuhan bagi Gerejaanya.” — *CNA*

## Sinodaliti dan budaya

VATIKAN: Pada pembentangan Sidang Umum Keempat (*General Congregation n. 4*), Siu Wai Vanessa Cheng (*gambar*), seorang Katolik awam dari Hong Kong, memberikan kesaksiannya tentang sinodaliti dan budaya khususnya, “Sinodaliti dan Budaya Asia.”

Secara umum, apabila “sinodaliti dijalankan dalam proses lokal, ia dijalankan dalam bentuk yang berbeza dan ciri berbeza. Tidak hairanlah, dalam dokumen akhir Perhimpunan Benua Asia, Gereja di Asia memilih imej ‘Menanggalkan kasut kami’ untuk menggambarkan perjalanan sinode Asia”.

Ia adalah tanda penghormatan yang indah dan juga ekspresi kesedaran mendalam orang Asia tentang yang kekudusan.

Asia diwarnai dengan kepelbagaian budaya dan agama, mempunyai lebih 2,300 bahasa di seluruh benua, dan merupakan tempat lahirnya agama-agama utama dunia seperti Hindu, Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya.

Sebagai orang Krisian, kami hanya membentuk 6.53 peratus daripada jumlah penduduk Asia dan benar-benar merupakan “kawanan kecil”. Maka bagaimana “sinodaliti” boleh menyatakan dirinya dalam konteks yang luas dan pelbagai ini dan memulakan perjalanannya?

Proses sinodal bermula dengan sikap mendengar yang sejati. Tetapi tidak akan wujud pendengaran jika tiada kesedaran budaya, agama, sosial, ekonomi dan politik setempat.

Bagi orang Asia, prinsip asas yang paling penting dalam hal “mendengar” ialah HORMAT.

Jadi sikap hormat adalah perlu semasa kita mendengar dan berdialog, menghalusi dan membuat keputusan.

Oleh itu, kita juga mesti sedar bahawa banyak budaya Asia tidak menyukai sikap lantang atas pelbagai sebab, seperti takut melakukan kesilapan dan mendapat malu,



tidak diterima oleh kalangan sosial seseorang, takut dikenal pasti sebagai bermasalah, bimbang dianggap tidak hormat dan mencabar semua jenis pihak berkuasa, dan sebagainya. Akibatnya, ramai umat beriman mungkin cenderung untuk berdiam diri daripada menyuarakan pandangan dan kebimbangan mereka sendiri.

Maka, kita perlu memberi lebih perhatian kepada mereka yang berdiam diri atas sebab tertentu. Adalah sangat penting bahawa pengalaman kegemilangan dan kelukaan serta isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan harus dipandang serius.

Setelah membantu dua proses sinodal, iaitu Keuskupan Hong Kong dan Pergerakan *Focolare* di seluruh dunia, saya dapat menyaksikan bahawa “Sinodaliti” membawa harapan kepada orang yang bersedia “berjalan bersama”.

Sebagai contoh, masyarakat Hong Kong telah mengalami kekecewaan mendalam selepas dua tahun pergolakan sosial, tetapi proses sinodal telah membantu Gereja untuk bermula semula.

“Berjalan bersama” membuahkan hasil penyembuhan. Komuniti lain di Asia menjadi lebih bersatu dengan Gereja, mencari kekuatan baru untuk menghadapi cabaran dan mendapat keterbukaan baru untuk merangkul umat beriman dan mereka yang masih belum mengenal Kristus.

## Sinode bantu kita sahut krisis global

KOTA VATIKAN: Kardinal Béchara Boutros Raï, Patriark Maronit Antiokhia, menyampaikan homili pada Misa harian untuk para anggota Sinode, dan mendesak umat Kristian agar menerapkan cara hidup sinode untuk menghadapi banyak masalah yang dihadapi dunia kita.

Para anggota Sidang Umum Sinode merayakan Misa bersama di Basilika Santo Petrus pada Oktober 9, menjelang pembentangan Sidang Umum keempat (*General Congregation n. 4*).

Patriark Youssef Absi, Patriark Melkit Yunani dari Antiokhia, memimpin Misa yang dirayakan menurut ritus Bizantium.

Kardinal Béchara Boutros Raï, Patriark Maronit Antiokhia, menyampaikan homili yang merefleksikan ajakan Yesus untuk berdoa bagi para pekerja demi hasil tuaian berlimpah dari Tuhan. Beliau mengatakan kata-kata Yesus telah memberikan titik awal untuk memahami keadaan Gereja saat ini dan cabaran



Patriark Absi bersama pemimpin lain semasa Misa Ritus Bizantium.

yang dihadapi.

Katanya, tuaian yang melimpah adalah tanda pelbagai masalah global yang perlu tindakan segera dari Gereja dan seluruh umat Kristian.

Isu-isu tersebut, mencakup usaha mencapai perdamaian yang adil di tengah-tengah perang yang sedang berlangsung, mengatasi perubahan iklim dan melindungi alam ciptaan, menentang sistem ekonomi yang

eksploitatif, membantu individu yang teraniaya, dan menyembuhkan luka yang diakibatkan oleh pelbagai bentuk pelecehan.

Tambahnya, tuaian tersebut juga menandakan keperluan meningkatkan martabat manusia, mendorong dialog ekumenis dan antara agama serta kepedulian terhadap golongan terabai dan alam ciptaan. — *media Vatikan*

## Sinode fokus pada cara hidup ‘seperti Yesus lakukan’

VATIKAN: Menemukan cara yang lebih baik untuk hidup “seperti yang Yesus lakukan” — menjangkau, menyambut, menyembuhkan, dan merangkul orang lain — adalah fokus perbincangan kumpulan kecil Sr Liliana Franco Echeverri pada Oktober 9-10, dalam sidang Sinode Para Uskup.

Sr Franco, dari Kongregasi para Sister Sta. Perawan Maria dan ketua Konfederasi Religius Amerika Latin

dan Caribbean (CLAR), dan Kardinal Joseph W. Tobin dari Newark, New Jersey, Amerika, memberikan penjelasan kepada wartawan tentang kerja sinode mengenai pelbagai aspek dengan tema “persekutuan”.

Kumpulan Sr Franco membicarakan bagaimana “pelayanan amal dan komitmen terhadap keadilan dan kepedulian terhadap rumah kita bersama, memelihara persekutuan.”

Manakala kumpulan Kardinal

Tobin fokus pada menyambut dan mendampingi orang-orang yang merasa terabai dari Gereja.

Di bawah tema persekutuan dengan Tuhan dan dengan satu sama lain, di dalam Gereja dan dunia, kumpulan-kumpulan lain membicarakan tentang ekumenisme, menghargai kepelbagaian budaya, bahasa dan etnik dalam Gereja dan dialog antara agama.

Laporan kumpulan-kumpulan kecil untuk setiap bahagian sidang sinode akan diserahkan kepada panitia yang bertugas menulis sintesis; anggota sinode akan mempunyai kesempatan untuk mengubahnya dan memberikan suara apakah hal tersebut.

Pada sidang kedua pada Oktober 2024, Sri Paus Fransiskus akan menentukan apa dan bagaimana menetapkan kesimpulan sinode tersebut. — *media Vatikan*



Sr Gloria Liliana, seorang religius dari Kongregasi para Sister Sta. Perawan Maria, dan Kardinal Joseph William Tobin (kanan). Gambar: media Vatikan.

Pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari MINGGU MISI SEDUNIA 2023

# Hati berkobar-kobar, kaki bergegas pergi mewartakan Injil



*Saudara dan saudari terkasih!*

Untuk Minggu Misi Sedunia tahun ini, saya telah memilih tema yang diilhami oleh kisah dua murid dalam perjalanan ke Emaus, di Injil Lukas (bdk. 24:13-35), “Hati berkobar-kobar, kaki bergegas pergi mewartakan Injil”.

Awalnya kedua-dua murid itu bingung dan cemas, namun perjumpaan mereka dengan Kristus dalam sabda dan pemecahan roti membangkitkan keinginan yang besar dalam diri mereka.

Melalui kisah ini, kita melihat perubahan pada diri murid-murid ini melalui beberapa gambaran yang jelas iaitu hati mereka berkobar-kobar ketika mereka mendengar Yesus menjelaskan Kitab Suci, mata mereka terbuka mengenali-Nya, dan akhirnya, kaki mereka bergegas melangkah pergi.

**1. Hati kita berkobar-kobar “ketika Dia menjelaskan Kitab Suci kepada kita”. Dalam kegiatan-kegiatan misionari, sabda Tuhanlah yang mengubah dan menerangi hati.**

Dalam perjalanan dari Yerusalem ke Emaus, dua murid itu putus asa, (ayat 17). Ketika mereka sedang bercakap-cakap Yesus sendiri yang mendekati mereka, lalu berjalan bersama dengan mereka” (ayat 15).

Dalam hal ini, Tuhan mengambil inisiatif — Dia mendekati dan berjalan di samping mereka.

Saat ini, seperti saat itu juga, Tuhan Yang Bangkit tetap dekat dengan para murid misionari-Nya dan berjalan di samping mereka, terutama ketika mereka berasa putus asa, takut dan bingung.

Setelah mendengar kata-kata Yesus, kedua-dua murid itu hati para murid berghairah, dan saling mengungkapkan isi hati mereka, “*Bukankah hati kita berkobar-kobar, saat Ia berbicara dengan kita di tengah jalan dan saat Ia menerangkan Kitab Suci kepada kita?*” (ayat 32). Yesus sendiri adalah Sabda yang hidup, hanya Dialah yang dapat membuat hati kita terbakar dan mengubahnya.

Teman-teman misionari terkasih, Tuhan Yang Bangkit selalu bersamamu. Dia melihat kemurahan hati dan pengorbanan yang anda lakukan untuk misi penginjilan di negeri-negeri yang jauh. Hidup kita tidak selalu tenang tetapi janganlah kita pernah lupa akan kata-kata Tuhan Yesus kepada sahabat-sahabat-Nya sebelum sengsara-Nya: “*Dalam dunia kamu menderita penganiayaan, tetapi kuatkanlah hatimu, Aku telah mengalahkan dunia!*” (Yoh. 16:33).

**2. Mata kita “terbuka dan mengenali-Nya” saat pemecahan roti. Yesus dalam Ekaristi adalah sumber dan puncak misi.**

Ketika mereka berkumpul di sekitar meja perjamuan, mata mereka terbuka dan mereka mengenali-Nya saat Dia



*Hari Minggu Misi, yang ditubuhkan Sri Paus Pius XI pada tahun 1926, untuk mengingatkan umat Katolik tentang komitmen dan sokongan mereka terhadap karya-karya misi Gereja melalui doa dan pengorbanan. Kredit gambar: media Vatikan.*

memecahkan roti. Unsur penentu yang membuka mata para murid adalah urutan tindakan yang dilakukan Yesus: Dia mengambil roti, memberkatinya, memecahkannya dan memberikannya kepada mereka. Itu adalah gerakan yang lazim dilakukan seorang ketua rumah tangga Yahudi, tetapi, ketika ia dilakukan oleh Yesus Kristus dengan rahmat Roh Kudus, gerakan itu dibaharui, menjadi simbol penggantian roti dan simbol Ekaristi, sakramen korban salib.

Di sini harus diingat bahwa membagikan roti milik kita kepada orang yang lapar dalam nama Kristus sudah merupakan sebuah karya misi Kristiani.

Semoga hati kita selalu merindukan persekutuan dengan Yesus, mengemukakan permohonan yang berapi-api dari kedua murid Emaus, terutama di malam hari, “*Tinggallah bersama kami, Tuhan!*” (bdk. Luk. 24:29).

**3. Kaki kita bergegas pergi, dengan sukacita menceritakan kepada orang lain tentang Kristus Yang Bangkit. Keabdian masa muda sebuah Gereja yang selalu pergi keluar.**

Setelah mata mereka terbuka dan mereka mengenali Yesus yang “sedang memecahkan roti”, para murid “lekas-lekas berangkat dan terus kembali ke Yerusalem” (bdk. Luk. 24:33).

Ketergesa-gesaan untuk berbagi dengan orang lain akan sukacita berjumpa Tuhan, menunjukkan bahwa “sukacita Injil memenuhi hati dan seluruh hidup mereka yang berjumpa dengan Yesus.

Gambaran “kaki yang bergegas pergi” mengingatkan kita misi suci kepada segala bangsa (*missio ad gentes*), misi yang dipercayakan kepada Gereja oleh Tuhan Yang Bangkit untuk menginjili semua orang dan bangsa.

Setiap orang berhak menerima Injil oleh itu umat Kristian berkewajiban untuk memberitakannya tanpa mengecualikan

siapa pun.

Seperti yang ditegaskan oleh Rasul Paulus, kasih Kristus menguasai dan mendesak kita (bdk. 2 Kor. 5:14). Kasih ini rangkap: kasih Kristus bagi kita, yang memanggil, mengilhami dan membangkitkan kasih kita untuk-Nya.

Kita semua dapat menyumbang karya-karya misionari ini melalui doa dan kegiatan kita, dengan memberi sokongan material serta kesaksian peribadi kita.

Serikat Misi Kepausan adalah sarana istimewa untuk memupuk kerja sama misionari di peringkat rohani mahupun material.

Oleh sebab inilah, kolekte yang terkumpul pada Minggu Misi Sedunia dikhususkan untuk Serikat Kepausan untuk Penyebaran Iman.

Desakan karya-karya misionari Gereja menuntut kerja sama yang erat di semua pihak anggotanya dan di setiap peringkat.

Ini adalah tujuan penting perjalanan sinode yang telah dilakukan Gereja, dipandu oleh kata kunci: persekutuan, partisipasi, dan misi.

Perjalanan ini merupakan sebuah proses berangkat pergi, dan seperti dua murid Emaus: mendengarkan Tuhan Yang Bangkit. Kerana Dia senantiasa datang di antara kita untuk menjelaskan erti Kitab Suci dan memecahkan roti untuk kita, sehingga dengan kuasa Roh Kudus kita dapat menjalankan misi-Nya di dunia.

Sama seperti kedua-dua murid Emaus menceritakan kepada yang lain apa yang terjadi di tengah jalan (bdk. Luk. 24:35), demikian juga pewartaan kita akan menjadi kisah sukacita mengenai Kristus Tuhan, hidup, sengsara, kematian dan kebangkitan-Nya, serta keajaiban yang telah diperbuat oleh kasih-Nya dalam hidup kita.

Jadi marilah kita berangkat pergi bermisi, diterangi oleh perjumpaan dengan Tuhan Yang Bangkit dan didorong oleh Roh-Nya. — *Sri Paus Fransiskus*

PENULIS BERKICAU

## Sinodaliti untuk Asia

“Bagaimana sesungguhnya kita dapat menjadi tanda dan instrumen kesatuan dengan Tuhan dan kesatuan semua manusia dari perspektif Asia?”

Persoalan ini dibahas oleh Fr Dr Clarence Devadass, salah seorang perwakilan Malaysia di Sidang Umum Sinode para Uskup ke-16. Beliau membicarakan hal ini semasa *Module B-1 Instrumentum Laboris* pada Oktober 9, 2023 di Dewan Paulus VI, Vatikan.

Asia ialah benua terbesar di dunia dan mempunyai pelbagai budaya, agama, bahasa, dan etnik. Ia adalah tempat kelahiran dan tempat agama-agama utama dunia seperti Hindu, Islam, Kristian, Buddha, Jainisme, Sikh, Taoisme, Konfusianisme, Shintoisme, dan lain-lain.

Meskipun agama Kristian hanya majoriti di Filipina dan Timor Leste namun kekayaan tradisi dan budaya penganut Kristian, membawa sukacita dan kehidupan kepada Gereja.

Di antara empat bilion orang di Asia, Gereja Katolik hanya terdiri daripada 3.31 peratus daripada populasi. Tetapi di kebanyakan tempat di Asia, Gereja menerajui perkhidmatan pembangunan insan yang penting dan kesejahteraan bersama khususnya bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, dan menjangkau golongan miskin dan terabai hingga di luar sempadan gereja kita.

Walaupun sesetengah orang mungkin menganggap Gereja hanya setitik di lautan yang luas tetapi gelombangnya sangat luas.

Sinodaliti untuk Asia adalah lebih daripada Gereja yang wujud untuk dirinya sendiri, Gereja wujud untuk kepentingan semua. Dalam masyarakat Asia yang majmuk, Gereja berusaha untuk terus menyebarkan Injil walaupun menghadapi cabaran.

Untuk menjadi tanda dan sarana penyatuan dengan Tuhan serta kesatuan semua manusia yang utuh, Gereja di Asia banyak melibatkan diri dalam pelbagai bentuk dialog menarik untuk membina keamanan, perdamaian dan keharmonian dalam suasana formal dan tidak formal.

Walaupun ada yang menyatakan keraguan tentang niat dialog ini atas pelbagai sebab, termasuk rasa tidak percaya dan prejudis, namun demi perpaduan dalam kemanusiaan, Gereja di banyak bahagian Asia memainkan peranan penting dalam membina jambatan untuk keamanan, keharmonian, perdamaian, malah keadilan dan kebebasan.

Kesatuan kita dengan Tuhan mendorong kita untuk menjadi terang dan garam bumi. Bagaimana? Salah satu caranya ialah membina Komuniti Eklestial Dasar (KED). KED membawa bukan sahaja mentransformasi rohani tetapi juga mentransformasi sosial.

Komuniti ini memperlihatkan persekutuan kepada orang Kristian dan bukan Kristian serta menjadi tanda-tanda Gereja sinodal kita yang nyata.

Dalam usaha membina ‘jambatan perdamaian’, kami berdepan peningkatan sikap tidak bertoleransi dalam agama dan sosial, yang membawa kepada penganiayaan dan juga ancaman kepada kehidupan manusia.

Tetapi, Gereja-gereja yang teraniaya ini tetap setia kepada Tuhan. Walaupun sebagai minoriti, yang adakalanya ‘keras’, Gereja-gereja Asia tidak pernah kehilangan harapan untuk masa depan dan berusaha untuk menjadi ungkapan persekutuan, partisipatif dan misi yang sejati — untuk Gereja sinodal. — *sumber media Vatikan*

### KENYATAAN MISI HERALD

*HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.*

## Menjaga martabat orang Pekak

SEREMBAN, N.Sembilan: Hari Bahasa Isyarat Antarabangsa (IDSL) disambut oleh Pelayan Orang Pekak Katolik (CMfD) pada September 24, di Gereja Visitation. Tema untuk tahun ini ialah, "Dunia di mana Orang Pekak boleh berbahasa isyarat di mana-mana."

Misa Kudus dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow dan prelatus itu dibantu oleh pembantu eklesial CMfD Fr Michael Chua dan Fr Xavier Andrew, paderi paroki Gereja Visitation.

Objektif utama sambutan itu ialah "Efa-ta" agar pendengaran orang dari semua lapisan masyarakat untuk berfikir terbuka terhadap budaya Pekak dan golongan Pekak.

Tema untuk perayaan IDSL tahun ini pada Misa diambil dari Mazmur 63:4 "Aku akan memuji Engkau selama aku hidup, dalam nama-Mu, aku akan mengangkat tanganku."

Dua Orang Pekak turut memberi perkongsian selepas Misa iaitu Geraldine Shalini John dan Caroline Anne.

Geraldine mengongsikan perasaannya apabila dia semakin jauh daripada Tuhan dan menjadi lemah secara rohani. Ingin

mengetahui lebih lanjut tentang Tuhan dan mendalami imannya, dia menyertai Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) dan tersentuh untuk mengetahui lebih lanjut kerana pelajaran dijalankan dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).

BIM telah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai bahasa isyarat rasmi negara sejak 2008, melalui penggabungan Akta Orang Kurang Upaya.

Geraldine, yang telah dibaptis pada Paskah 2022, mengesakan mereka yang tidak mengalami masalah pendengaran agar tidak menyisihkan Orang Pekak dan menggalakkan mereka mempelajari BIM.

Pelbagai aktiviti telah diadakan di dewan paroki untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan Budaya Pekak iaitu budaya mempelajari bahasa isyarat atau membantu golongan tersebut.

Beberapa gerai mempamerkan program, aktiviti dan kemahiran Pekak CMfD, seperti gerai seni batik oleh seniman Pekak, Lim Anuar, dan patung keagamaan yang diukir oleh pengukir Pekak Raymond Raj.

Hari IDSL diteruskan dengan kata-kata aluan koordinator CMfD, Melina Fair yang mengungkapkan kegembiraannya

atas kehadiran semua hadirin.

Seorang senior penginterpretasi BIM, Joseph Loh mengatakan bahasa isyarat adalah bahasa yang indah yang biasanya dianggap oleh orang ramai sebagai 'bahasa tangan'.

Nada suara dan emosi bahasa dipersembahkan melalui bentuk tangan, mimik muka, bahasa badan dan ruang tanda tangan, yang semuanya menambah, menjadikan bahasa ini indah. Namun, keindahan itu hilang apabila seseorang melangkah ke hadapan untuk mentafsir tanpa mengetahui banyak tentang teori tafsir. Oleh yang demikian, maruah masyarakat pekak tercalar.

Sukarelawan IDSL, Jennifer Leong berkata, "Momen paling menggembirakan saya ialah apabila saya duduk di sebelah CODA (Kanak-Kanak/Dewasa Pekak) di gereja. Saya benar-benar terpi-kat apabila saya memerhatikan ibu menulis pada tapak tangan kanak-kanak agar kanak-kanak itu tahu menyahut sahutan dan doa dalam Misa Kudus. Ini adalah kaedah sangat baik untuk memperkenalkan bahasa baharu kepada kanak-kanak."

Secara keseluruhannya, acara IDSL



Caroline Anne dari Gereja Visitation mengongsikan perjalanan imannya sebagai Orang Pekak Katolik, sambil dibantu oleh penginterpretasi BIM, Christina Lee.

telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Melalui pelbagai aktiviti, ia memberikan kegembiraan dan berkat bagi Orang Pekak dan komuniti yang boleh mendengar.



## Berani memilih Tuhan

KRUBONG, Melaka: Panggilan untuk bersaksi merupakan salah satu sesi dari Sr Maria Magdalena Kopong FSIC semasa rekoleksi untuk calon Penguatan di Dewan Paroki *Our Lady of Guadalupe* (OLG), baru-baru ini.

Seramai 68 peserta dari Gereja OLG dan Chapel *Corpus Christi* Kem Terendak menyertai rekoleksi yang bertema, "Berani Bersaksi Untuk Kristus".

Dalam sesinya, Sr Maria Magdalena mengajak peserta untuk mengimbas kembali Sakramen Pembaptisan yang telah mereka terima dan menegaskan bahawa panggilan bagi orang-orang yang dibap-

tis ialah mewartakan Khabar Gembira di mana sahaja.

Sr. Liza Anggie FSIC pula menjelaskan bahawa biasanya cabaran dalam melayani ialah diri sendiri. Oleh itu para peserta diseru untuk tekun berdoa, merayakan Sakramen-sakramen dan membaca Kitab Suci untuk memantapkan iman serta memikul salib untuk mengikuti Yesus.

Semua peserta sangat bekerjasama dalam setiap aktiviti dan rekoleksi itu telah menyentuh hati mereka untuk berani meninggalkan tabiat-tabiat yang boleh menjauhkan mereka dengan Tuhan. — **Willi Roy Poumin**

## Katekis Pembimbing belajar KHK

KENINGAU, Sabah: Komite Katekatikal Katedral St Francis Xavier (KSFx) menganjurkan *Study Day* untuk para katekis pembimbing yang melayani di Paroki KSFx baru-baru ini di Dewan Majlis Pastoral Paroki KSFx.

*Study Day* Katekatikal peringkat paroki yang julung kali diadakan ini telah disertai seramai 298 katekis pembimbing dengan berfokus kepada Hukum Kanonik yang dikendalikan sepenuhnya oleh Msgr. Gilbert Lasius.

Hukum Kanonik 1983 menjadi fokus *Study Day* bertujuan untuk memberi pendedahan, meningkatkan pengetahuan serta sebagai platform untuk bersoal jawab mengenai struktur dan tata tertib gereja Katolik khususnya kepada para katekis pembimbing.

Msgr. Gilbert Lasius sebagai penyampai sesi mengendalikan *Study Day* dalam dua bahagian iaitu, bahagian pertama: Pengenalan Kitab Hukum Kanonik (KHK), tujuan dan fungsi KHK dan sumber-sumber utama KHK.

Bahagian kedua adalah sesi soal jawab dengan para peserta.

Apa yang menarik dalam sesi soal jawab, majoriti soalan yang ditanyakan adalah



298 peserta mengikuti *Study Day* tentang KHK.

berkaitan rapat dengan hukum-hukum dalam perkahwinan serta terdapat juga soalan-soalan yang melibatkan calon bimbingan.

Pengerusi Penganjur, Sdri Rita Titing ISKB, berharap semua katekis pembimbing yang hadir dapat mengguna pakai input yang diterima dari Msgr Gilbert dalam pelayanannya serta sentiasa ada sikap merujuk dan belajar.

*Study Day* Katekatikal diakhiri pada pukul 1.00 petang dan ditutup dengan doa. — **Caroline Liew**

## 'Wira tak didendang' dihargai dalam majlis penghargaan

KOTA BELUD, Sabah: Mantan katekis, katekis terkini dan katekis terpilih diraikan dalam Majlis Penghargaan di Chapel St Thomas, Kelawat baru-baru ini.

Majlis yang julung kali diadakan itu turut dihadiri oleh paderi paroki Kota Belud, Fr Jalius Sading.

Para katekis ini diraikan sebagai ungkapan doa dan kesyukuran di atas komitmen pelayanannya mereka. Mereka digelar 'wira tak didendang' kerana sering melayani

tanpa meminta balasan, berkhidmat pada ketika orang berehat di rumah demi kemuliaan Tuhan.

Selepas Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Jalius, ia diteruskan dengan upacara pemotongan kek dan beberapa persembahan pentas. Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para katekis dan penyampaian hadiah kepada pemenang permainan serta sesi bergambar. — **Soccom KB**



Mantan katekis, katekis terkini dan katekis pelapis bergambar bersama Fr Jalius Sading (duduk empat dari kiri).